

SOALAN NO. 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN LOKE SIEW FOOK
[SEREMBAN]
TARIKH : 14 MAC 2018

SOALAN :

YB Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci jumlah pengundi berdaftar yang terkini mengikut pecahan kaum, pengundi biasa dan pengundi awal untuk kawasan Parlimen Seremban.

JAWAPAN : YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah pemilih bagi Parlimen P.128 Seremban sehingga 31 Disember 2017 adalah seramai 114,752 orang yang merangkumi 112,428 orang pengundi biasa, 555 orang tentera serta pasangan, 1,719 orang polis serta pasangan polis Pasukan Gerakan Am dan 50 orang pengundi tidak hadir luar negara.

Sekian, terima kasih.